

Excellent kekalkan kejuaraan

► Karnival Sukan Antara Kolej UMS 2018

UB 19.12.2018 All

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Excellent mengekalkan kejuaraan sempena Karnival Sukan Antara Kolej (KARSUKOL) setelah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam majlis penutupan dan penyampaian hadiah di Arena Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Tempat kedua disandang oleh Kolej Tun Fuad manakala Kolej Kediaman Beta UMSKAL menduduki tempat ketiga dalam keseluruhan Karnival KARSUKOL ini.

Menurut Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Excellent Nurhusna Mohamed, kolej tersebut memperoleh 5 emas, 5 perak dan 2 gangsa sekaligus menobatkan mereka juara keseluruhan dalam karnival tersebut.

Antara sukan yang



GAMBAR pasukan futsal lelaki bersama trofi dan piala.

mendapat emas adalah bola jaring, bola sepak, bola tampar lelaki dan perempuan dan badminton berpasukan.

Manakala katanya, sukan yang mendapat perak pula adalah futsal lelaki, sepak takraw, ping pong berpasukan, catur berpasukan dan bola keranjang lelaki.

Bagi 2 pingat gangsa pula disumbangkan oleh sukan

futsal perempuan dan bola keranjang perempuan.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet Kolej Kediaman Excellent kerana telah memenangi kesemua acara dalam KARSUKOL kali ini,” tegasnya.

Dalam pada itu beliau turut berterima kasih kepada semua atlet-atlet kerana telah



GAMBAR pemain menerima trofi di atas pentas.

memberikan komitmen dan fokus sehabis baik dalam KARSUKOL kali ini.

Antara sukan yang dipertandingkan ialah futsal kategori lelaki dan perempuan, bola tampar kategori lelaki dan perempuan, bola keranjang kategori lelaki dan perempuan, sepak takraw, bola jaring, bola sepak, ping pong berpasukan, catur, dan badminton berpasukan.

Dalam pada itu ketua pasukan futsal Kolej Kediaman Excellent Mohd Hafiz Abbas berkata, mereka telah membuat sehabis baik untuk sukan futsal pada kali ini.

Namun katanya, bukan rezeki mereka untuk menjuarai sukan futsal lelaki tersebut setelah ditewaskan dengan jaringan 1-0 oleh pasukan Kolej Kediaman Tun Mustapha di perlawanan akhir.

“Kami menggunakan strategi ‘all out attack’ iaitu serangan habis habisan dan

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet Kolej Kediaman Excellent kerana telah memenangi kesemua acara dalam KARSUKOL kali ini.”

NURHUSNA MOHAMED

Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman Excellent

kami jugam lihat kemampuan pemain pihak lawan lebih kurang seimbang dengan pasukan kami,” katanya.

Karnival sukan antara kolej ini telah disertai oleh beberapa kolej di bawah Universiti Malaysia Sabah termasuklah Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Sri Angkasa, Kolej Kediaman

Usia, Kolej Kediaman Beta UMSKAL, Kolej Kediaman Lestari, Sandakan dan Non Resident.

Karnival Sukan antara Kolej ini merupakan salah satu acara tahunan bagi Universiti Malaysia Sabah yang diadakan pada setiap semester satu dan sangat signifikan diadakan bagi memupuk semangat kesukanan dalam diri mahasiswa.



PASUKAN futsal lelaki Kolej Kediaman Excellent UMS.



KONTINJEN Kolej Kediaman Excellent UMS.



KETUA pasukan futsal lelaki Mohd Hafiz Abbas.